

# Pengurus Besar MADA meninggal dunia

**ALOR SETAR 29 Ogos -**

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Md. Zuki Ismail meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini akibat serangan angin ahmar pada pukul 1.35 petang ini.

Allahyarham yang berusia 56 tahun menghembuskan nafas terakhir di sisi isteri, Raidzoh Mohd. Akhir, 58, bersama empat anaknya di Wad Bunga Raya setelah dimasukkan ke hospital sejak Selasa lalu.

Allahyarham yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mula berkhidmat dengan MADA di Ampang Jajar di sini pada 1985 sebagai pegawai pertanian.

Anak sulung Allahyarham, Mohd Hafifi Hafiz Md Zuki, 30, berkata, ayahnya merupakan seorang yang tegas termasuk dalam mendidik anak-anak.

“Saya langsung tidak mengetahui tentang sakit ayah kerana ayah tidak pernah mengadu apa-apa kerana ayah suka simpan masalah,” katanya ketika ditemui di bilik mayat HSB di sini.